

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20/01/2018

Bekas PM gagal batal sepina Jamal kes BERSIH

BH - 20/1/2018 Pg. 6

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak permohonan Tun Dr Mahathir Mohamad untuk membatalkan sepina diperoleh Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunus supaya beliau memberi keterangan dalam satu kes saman fitnah berkaitan isu BERSIH 3.0.

Kes itu dikemukakan Pengerusi BERSIH 2.0, Maria Chin Abdullah terhadap Jamal kerana mengaitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkenaan dengan militan Daesh. Sapina diperoleh Jamal bertarikh 28 September tahun lalu.

Peguam Ilyani Noor Khuszairy yang mewakili Dr Mahathir ketika

ditemui, berkata Hakim Datuk Mohd Zaki Abdul Wahab membuat keputusan itu dalam kamar hakim, selepas mendapati anak guamnya mempunyai pengetahuan mengenai BERSIH 3.0.

Katanya, hakim juga mendapati Dr Mahathir pernah memberikan kenyataan berhubung perhimpunan itu dan berpendapat keterangan bekas Perdana Menteri itu dapat membantu membuat keputusan dalam kes saman fitnah berkenaan.

Beliau berkata, Dr Mahathir yang pernah memegang jawatan Menteri Dalam Negeri, didapati turut mempunyai pengetahuan berhubung penahanan suami Maria,



Kami berjaya membuktikan secara prima facie bahawa Dr Mahathir perlu hadir untuk memberikan keterangan pada perbicaraan kes saman itu”

Mohamed Nasser Yusof,
Peguam

Yunus Ali mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ilyani berkata, pihaknya tidak akan merayu keputusan itu.

Sambung bicara 5 Mac

Peguam, Mohamed Nasser Yusof mewakili Jamal, berkata pihaknya bersedia untuk menyoal Dr Mahathir pada perbicaraan kes yang akan bersambung pada 5 Mac ini.

Katanya, mereka berjaya membuktikan secara prima facie bahawa Dr Mahathir perlu hadir untuk memberikan keterangan pada perbicaraan kes saman itu.

Maria memfailkan saman pada 7 Oktober lalu, menamakan Jamal yang juga Pengerusi Gabungan Ba-

dan Bukan Kerajaan Melayu dan Gerakan Merah Malaysia (GMM), selaku defendan.

Dalam writ saman dan pernyataan tuntutan, Maria berkata, Jamal mengeluarkan kata-kata fitnah terhadapnya pada sidang media di perkarangan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 28 September lalu dan ia diterbit serta disiarkan beberapa portal berita, media cetak dan elektronik.

Katanya, defendan sekali lagi mengeluarkan kata-kata fitnah terhadapnya pada 4 Oktober lalu di perkarangan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Bukit Aman dan diterbitkan di media cetak dan elektronik pada 5 Oktober tahun sama.